

Sumber air tujuh empangan cukup

■ Mampu tampung keperluan sepanjang musim kering

Oleh Ekhwan Haque

Fazlul Haque

ekhwan@hmetro.com.my

Shah Alam

Kerajaan negeri yakin sumber air mentah di tujuh empangan di negeri ini mampu menampung keperluan pengguna sepanjang musim kering yang bermula bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Zaidy Abdul Talib berkata, kapasiti terkini empangan menunjukkan parasnya lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun lalu.

Empangan Sungai Selangor mencatatkan kapasiti takungan 100 peratus, Empangan Sungai Tinggi (91.03 peratus) dan 99.70 peratus direkodkan di Empangan Sungai Semenyih.

Empangan Sungai Langat merekodkan 74 peratus, Empangan Batu (92.58 peratus), Empangan Klang



ZAIDY

Gates (98.52 peratus) dan 99.58 peratus di Empangan Tasik Subang.

"Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi adalah empangan utama yang membekalkan 60 peratus air di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Penguatkuasaan juga akan ditingkatkan melalui pemantauan berterusan di sepanjang sungai yang membekalkan air mentah, termasuk pada waktu cuti dan musim perayaan, supaya tiada pihak cuba melakukan aktiviti yang boleh mencemarkan

KAPASITI AIR EMPANGAN DI SELANGOR



1) Empangan Sungai Selangor.....	100%
2) Empangan Sungai Tinggi.....	91.03%
3) Empangan Sungai Semenyih.....	99.70%
4) Empangan Sungai Langat.....	74%
5) Empangan Batu.....	92.58%
6) Empangan Klang Gates.....	98.52%
7) Empangan Tasik Subang.....	99.58%

sumber air," katanya, semalam.

Zaidy berkata, pihaknya akan terus dan mengurangkan operasi pengepaman air dari kolam takungan di sekitar Bestari Jaya yang bermula 8 Januari lalu.

Menurut Zaidy, pelepasan air empangan juga akan dikawal bagi memastikan ia dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada.

"Anggaran jangka hayat takungan empangan sehingga ke tahap simpanan kritikal adalah 106 hari bagi Empangan Klang Gates, 80 hari bagi Empangan Langat, 220 hari untuk Empangan Tasik Subang, 189 hari bagi Empangan Batu

dan 229 hari untuk Empangan Semenyih.

"Manakala dengan pelepasan maksimum, Empangan Sungai Selangor dapat bertahan sehingga 134 hari manakala Empangan Sungai Tinggi pula selama 67 hari," katanya.

Menurut Zaidy, operasi pembenihan awan di beberapa kawasan tadahan dan lembangan sungai juga akan dilakukan dalam masa terdekat bagi meningkatkan kuantiti air.

"Kerajaan negeri menyuruh pengguna supaya mengurangkan penggunaan per kapita air setiap isi rumah bagi memastikan kelangsungan bekalannya dapat diteruskan sepanjang musim panas ini," katanya.

FAKTA
Empangan Sungai Selangor catat kapasiti takungan 100 peratus